

Malaysia calonkan nama sesuai isi jawatan pertubuhan antarabangsa

UM - 22/4/2007

WINDHOEK (Namibia) 21 April - Malaysia akan menamakan calon yang sesuai bagi mengisi jawatan-jawatan penting dalam pertubuhan antarabangsa berikutan negara sentiasa diberi keutamaan termasuk untuk jawatan Setiausaha Agung Komanwel.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, bagi jawatan Setiausaha Agung Komanwel itu banyak negara pertubuhan tersebut bertanyakan calon dari Malaysia sebelum mereka memutuskan untuk menyokong pencalonan lain.

"Dalam hal ini kita kena pastikan awal-awal sikit. Banyak orang suka Malaysia menghantar calon. Dulu pun begitu di UN (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu), NAM (Pergerakan Negara Berkecuali) dan OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) tapi rakyat Malaysia susah benar," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Sebelum ini Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kerajaan tidak mengemukakan nama calon untuk bertanding bagi jawatan Setiausaha Agung Komanwel kerana mereka yang dikenal pasti tidak berminat berbuat demikian.

Katanya, antara calon dikenal pasti kerajaan termasuk bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam yang menolak pelawaan kerajaan untuk berbuat demikian atas faktor komitmen yang terlalu banyak di dalam negara.

Pemilihan Setiausaha Agung Komanwel yang baru akan dibuat oleh Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel dalam sidang kemuncak di Kampala, Uganda dari 23 hingga 25 November ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan memutuskan dalam waktu terdekat ini jika ada calon yang sesuai kerana Malaysia mempunyai harapan dan berminat untuk mengisi jawatan Setiausaha Agung Komanwel.

Bagaimanapun beliau tidak mahu pengalangan semasa pencalonan Setiausaha Agung OIC yang lalu berulang apabila pencalonan tidak dibuat pada peringkat awal menyebabkan calon Malaysia tidak berkesempatan untuk mendapatkan sokongan sepenuhnya.

"Kita akan tengok dalam masa yang tidak terlalu lama ini kalau ada, maka bolehlah kita namakan. Kalau tidak ada, tidak adalah jangan jadi macam OIC dulu," jelasnya.

— Mincuan